



26 AUG, 2024

Bajet 2025 Reformasi cukai tembakau, bantu sekat ketirisan rokok seludup

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Bajet 2025

Reformasi cukai tembakau, bantu sekat ketirisan rokok seludup

Kerajaan tidak menaikkan cukai eksais ke atas rokok sejak sembilan tahun lalu, dalam usaha mengekang rokok seludup. Moratorium cukai eksais disokong pula dasar perdagangan anti seludup serta penguatkuasaan yang kuat telah membawa kepada kestabilan dari segi bilangan rokok seludup ke negara ini.

Insiden tinggi rokok seludup asalnya berpunca daripada peningkatan mendadak dalam jumlah tinggi, memaksa lonjakan besar harga rokok, sekali gus mengurangkan kemampuan perokok. Situasi ini mendorong mereka memilih rokok seludup murah.

Pada November 2015, cukai eksais dinaikkan 43 peratus iaitu RM400 bagi setiap 1,000 batang berbanding RM280 bagi setiap 1,000 batang.

Perokok di Malaysia beralih kepada rokok seludup mengakibatkan peningkatan 42 peratus insiden rokok seludup pada 2016.

Insiden rokok seludup berkenaan menurun pada 2023 ekoran dasar antirokok seludup oleh Kementerian Kewangan dan tindakan penguatkuasaan ketat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malay-

sia dan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang lain sepanjang tahun lalu.

Namun, rokok seludup didapati masih mewakili separuh daripada jumlah keseluruhan rokok yang dijual di Malaysia, mengakibatkan penurunan besar hasil cukai daripada industri rokok yang sah.

Dianggarkan kerajaan kehilangan hasil cukai sebanyak RM5 bilion setahun kesan daripada rokok seludup.

Satu kaedah wajar dipertimbangkan kerajaan ialah cukai tembakau direformasikan menerusi pelaksanaan kadar cukai eksais yang 'boleh dijangka' dan pertambahan sederhana' menggunakan kalendar cukai berperingkat tahun.

Kaedah ini boleh menurunkan kesan kejutan harga kepada pengguna dan mengekalkan kestabilan bilangan rokok seludup serta hasil cukai kesais daripada industri tembakau di Malaysia dalam masa jangka panjang.

Difahamkan terdapat cadangan untuk kenaikan RM10 dari segi kadar eksais bagi setiap 1,000 batang setiap dua tahun, bagi tahun kewangan 2025, 2027, 2029 dan 2031.

Pengenalan kalendar cukai di atas, membolehkan perancangan hasil bagi kerajaan manakala pengilang, pengimport dan pengguna boleh membuat anggaran kenaikan harga.

Paling penting, peningkatan cukai eksais yang terancang dan sederhana membantu menyingkirkan kejutan pasaran kesan daripada kenaikan harga rokok, seterusnya mendorong mereka beralih kepada rokok seludup.

Cadangan berkenaan akan dapat melindungi perolehan hasil cukai bagi kerajaan dan bukan sesuatu yang luar daripada kebiasaan. Kaedah ini telah dilaksanakan di Jerman, Russia, Kazakhstan dan Romania.

Kes contoh di Jerman pada 2000-an, berusaha meningkatkan hasil tambahan dengan meningkatkan secara mendadak eksais produk tembakau, tetapi kenaikan cukai sebanyak 50 peratus dalam tempoh 4 tahun memberikan hasil eksais yang tidak menentu dengan kutipan pada 2004 kekal pada tahap yang sama seperti pada 2002.

Peningkatan yang berleluasa dalam penggunaan rokok haram memaksa kerajaan Jerman untuk membekukan kadar cukai

tembakau sama sekali pada 2006.

Hasil eksais tak berubah

Bagaimanapun, hasil eksais tidak berubah disebabkan perbezaan harga yang berterusan dengan produk dari negara jiran, yang mendorong perokok untuk membeli rokok terlarang.

Pada 2011, kerajaan Jerman memasukkan kenaikan cukai sederhana tahunan sekitar 2 peratus melalui pelan cukai yang dipanggil Model Duti Tembakau yang membantu untuk:

- Mencapai kestabilan hasil cukai walaupun jumlah undang-undang menurun
- Mencegah kemerosotan pesat lagi kemampuan untuk pengguna dan menghentikan penularan rokok seludup
- Mendorong kenaikan harga biasa

Selain itu, terdapat pertambahan insiden setem cukai palsu dari 2022 hingga 2023. Dianggarkan terdapat 8.7 peratus rokok seludup di Malaysia yang dilekatkan dengan setem cukai palsu.

Oleh itu, setem cukai sedia ada wajar diganti dengan kod cukai digital. Kaedah setem cukai itu telah diguna pakai sejak 2006 dan sesuai bertukar kepada sistem

moden, efisien dan kos efektif bagi kerajaan. Pada masa yang sama, memberikan kawalan yang lebih bagi kerajaan serta keselamatan, berbanding sistem setem cukai berasaskan kertas.

Penambahbaikan pengimbas kontena di semua pelabuhan juga membantu mengekang penyeludupan rokok. Semua kontena hendaklah diimbas, tanpa mengira apa pengisytiharan mereka.

Tentunya, semua pengimbas berfungsi dengan baik bagi kejayaan pelaksanaan dasar mengimbas 100 peratus kontena, manakala rakaman video imbasan dikemukakan kepada Pusat Kawalan Berpusat sebagai tambahan tahap pemantauan.

Kerajaan perlu menimbangkan cadangan memubuhkan Pusat Kawalan Berpusat untuk memantau dan menyalurkan data dan imej daripada pengimbas ke satu titik kawalan.

Ini memastikan kawalan ketat dan berkesan ke atas semua pintu masuk Kastam. Selaras pemacu kerajaan mendigitalkan dan memodenkan perkhidmatannya, Pusat Kawalan Berpusat membolehkan pengesanan dan kawalan terhadap vesel, kontena dan imej x-ray kandungan kontena.



26 AUG, 2024

Bajet 2025 Reformasi cukai tembakau, bantu sekat ketirisan rokok seludup

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kerajaan tidak menaikkan cukai eksais ke atas rokok sejak sembilan tahun lalu, dalam usaha mengekang rokok seludup. Moratorium cukai eksais disokong pula dasar perdagangan anti seludup serta penguatkuasaan yang kuat telah membawa kepada kestabilan dari segi bilangan rokok seludup ke negara ini. Insiden tinggi rokok seludup asalnya berpunca daripada peningkatan mendadak dalam jumlah tinggi, memaksa lonjakan besar harga rokok, sekali gus mengurangkan kemampuan perokok. Situasi ini mendorong mereka memilih rokok seludup murah.